

**Kecekapan Pimpinan BN Sebagai Pentadbir Negara Perlu Dikekalkan - Md Isa Sabu Bernama  
9 September, 2012**

KANGAR, 9 Sept (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) terbukti sebagai pentadbir negara yang cekap dan perlu dikekalkan demi menjamin masa depan negara dan rakyat, kata Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.

Sehubungan itu, beliau berharap, masyarakat yang sayangkan negara tidak berubah arah untuk menguji keupayaan pihak lain mentadbir negara.

Berucap merasmikan program Merdeka Raya Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kayangan Indah, Taman Bukit Kayangan dekat sini malam tadi, beliau berharap masyarakat menghayati sejarah pentadbiran negara sejak merdeka sehingga kini.

Beliau yang juga Pengerusi BN Perlis berharap masyarakat tidak mengambil risiko untuk mengubah sokongan kepada pembangkang kerana jelas risikonya amat besar terhadap negara dan rakyat.

"Kalau kita kehilangan kuasa bermakna kita tidak berupaya untuk membuat apa-apa lagi dan kita akan kehilangan segala kenikmatan hidup yang kita kecapai selama ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693205>